



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMBANTU PERHUTANAN (D.3-4 EB.5)
JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PEMBANTU PERHUTANAN
JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
D.3-4 EB.5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang *Biology / Combined Science / Geography / Mathematics* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perhutanan sebagai Pembantu Perhutanan Rendah atau jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Lulus Sijil Asas Perhutanan adalah kelebihan.
3. Lulus Kursus Pemeringkatan Kayu (Timber Grader) adalah kelebihan.
4. Mempunyai pengetahuan asas mengenai Akta Hutan, Penggal 46 dan Akta-Akta yang berkaitan adalah kelebihan.
5. Keutamaan adalah bagi calon **Lelaki**.
6. Mempunyai Lesen memandu Kelas 3 yang sah.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengawas operasi pembalakan di dalam hutan, menjalankan cop pokok, membuat sempadan blok dan kompartmen, membuat pemeriksaan kawasan dan lain-lain kerja berkaitan dengan pembalakan kayu;



2. Mengawas industri perkayuan, menjadi akaun *manager* bagi industri, membuat laporan eksport dan import dan keluaran bulanan syarikat;
3. Membantu dalam pengutipan anak-anak pokok liar bagi unit tapak semaian dan menyelaraskan bagi pembahagian anak-anak pokok untuk seksyen-seksyen yang berkaitan;
4. Memastikan KPI penanaman pokok bagi tujuan penghijauan dan projek perubahan iklim dicapai;
5. Menjadi Pegawai luar sebagai pengawas dan memantau projek-projek Jabatan Perhutanan serta menyediakan laporan bulanan bagi setiap projek; dan
6. Melaksanakan semua tugas yang diatitkan oleh Ketua jabatan dari semasa ke semasa.